

**Pembinaan Modul Program Pembangunan Kerjaya Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia**  
Hassan B. Hushin & Mohd Earmee Bin Sofian  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Projek ini adalah berkaitan dengan pembinaan modul Program Pembangunan Kerjaya Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia untuk panduan Jawatankuasa *First Year Experience (FYE)* Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Modul ini dibina berdasarkan pada cadangan daripada dua kajian yang telah dijalankan bertajuk “Tinjauan Mengenai Kategori Masalah Dengan Demografi Di Kalangan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Berasaskan *Mooney Problem Check List (MPCL)*” oleh Noriasah Binti Othman Teng (2006) dan kajian bertajuk “Pilihan dan Bentuk Aktiviti Program Pembangunan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia: Satu Tinjauan” oleh Ahmad Nawawi Bin Adnan (2007). Modul ini dibina mengikut Model Drum (1981) yang memberi penekanan kepada tiga langkah untuk menghasilkan modul yang baik dan berkesan. Diharap modul ini akan dapat membantu pihak Jawatankuasa FYE Fakulti Pendidikan UTM menjalankan program dengan lebih lancar supaya pelajar akan dapat mengenali dan memahami profesi perguruan dengan lebih dekat serta dapat menambahkan lagi minat untuk menjadi seorang guru yang cemerlang.

*Katakunci :* modul Program Pembangunan Kerjaya Pelajar Tahun Satu

### **Pengenalan**

Tahun pertama menjadi pelajar di pusat pengajian tinggi menjadi satu pengalaman baru yang perlu ditempuhi. Berdikari dan mula mengatur langkah tanpa bantuan orang lain membuatkan pelajar merasa agak keliru untuk menerima pengalaman sebegini. Tanpa bantuan dari mana-mana pihak atau boleh dikatakan tanpa bantuan dari pihak universiti atau fakulti, pelajar mungkin tidak dapat mengatur langkah tahun pertamanya dengan baik. Dengan itu, mereka ini memerlukan bantuan terutamanya dari pihak universiti atau fakulti untuk membimbing mereka. Program Pembangunan Pelajar adalah salah satu langkah terbaik untuk membantu pelajar di dalam usahanya untuk menghadapi cabaran tahun pertama.

Pelajar adalah aset terpenting negara kerana mereka bakal menjadi pemimpin yang akan datang. Kejayaan negara pada masa depan akan terletak pada kecemerlangan para pelajar ini. Kemampuan mereka untuk menjadi seorang yang cemerlang dari semua aspek akademik, sahsiah, intelektual akan ditentukan dari universiti kerana universiti adalah tempat terakhir untuk menimba ilmu pengetahuan disamping kemahiran-kemahiran lain. Selain itu, universiti yang melahirkan pelajar yang cemerlang akan memberikan imej yang baik kepada universiti tersebut.

### **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan pada latar belakang masalah yang tertera di atas, jelas masih belum ada lagi satu modul khasnya Program Pembangunan Pelajar untuk Tahun Satu pelajar universiti yang sistematik maka kajian ini akan merekabentuk satu program iaitu Program Pembangunan Kerjaya untuk pelajar tahun satu.

Program Pembangunan Kerjaya ini seharusnya dijalankan oleh satu jawatankuasa yang terlibat sahaja disamping kerjasama jawatankuasa lain. Ini bagi mengelakkan dari pertindihan

aktiviti atau program lain disebabkan tiadanya kerjasama dari pihak yang berkenaan. Program Pembangunan Kerjaya ini dianggap penting kerana akan menambahkan lagi keyakinan dan mengurangkan lagi keraguan emosi serta membimbang pelajar untuk menentukan kerjaya mereka setelah menamatkan pengajian di universiti. Semua pelajar diharap untuk menyertai atau menghadiri aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam Program Pembangunan Kerjaya.

Dengan itu, modul ini akan menyenaraikan aktiviti berkaitan kerjaya kepada khususnya pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Antara aktiviti yang dianggap bersesuaian untuk modul ini adalah seperti :

- i. Bengkel Pembangunan Diri dan Kerjaya
- ii. Perundingan dan Kaunseling
- iii. Seminar Kerjaya
- iv. Pameran Kerjaya

### **Objektif Pembangunan Modul**

Pembangunan modul ini dibina bertujuan membantu pihak pengurusan dalam mengendalikan program-program yang dijalankan melibatkan pelajar-pelajar tahun satu di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Antara objektifnya ialah :

- i. Membantu pelajar yang menghadapi masalah pada peringkat awal untuk menyesuaikan diri di alam kampus Universiti Teknologi Malaysia.
- ii. Membantu pelajar menyelesaikan masalah mereka dalam pembelajaran pada tahun pertama di universiti.
- iii. Membantu pelajar meningkatkan jati diri mereka dan mengamalkan gaya hidup sihat.
- iv. Membantu pelajar menjadi seorang insan yang cemerlang dalam semua aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.
- v. Membantu pelajar untuk memahami dan memupuk minat pada profesion perguruan.
- vi. Membantu pelajar untuk menjadi seorang pendidik yang berkarisma, berpengetahuan dan bersahsiah tinggi.

### **Kepentingan Pembangunan Modul**

Pembangunan modul ini dibina dapat memberi sumbangan kepada pihak pentadbir Universiti Teknologi Malaysia untuk menjalankan satu program yang dapat menyelesaikan masalah sosial pelajar bagi meningkatkan sahsiah pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian akademik mereka dan menjadi seorang siswa yang unggul. Selain itu juga diharap dapat membantu pelajar untuk lebih memahami dan memupuk minat yang mendalam terhadap profesion perguruan ini supaya akan lahir guru yang cemerlang dari universiti ini.

### **Kumpulan Sasaran**

Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

### **Aplikasi Model Drum dalam Pelaksanaan Program Berkualiti.**

Bagi membina sebuah program pembangunan yang baik dan berkualiti, ianya perlu merujuk kepada beberapa unsur yang penting. Untuk merancang dan melaksanakan program berkualiti tersebut, beberapa model dapat digunakan sebagai panduan. Program yang dibina di dalam modul ini berdasarkan pada Model Drum (1981). Mengikut model ini untuk membangunkan program pelajar yang berkualiti unsur yang harus diambil perhatian ialah :

- (i) tujuan dan matlamat

- (ii) sasaran program
- (iii) kaedah yang dijalankan.


### Pembentukan Kerangka Program

Kerangka program ini dibentuk berdasarkan daripada kiub Hurst and Jacobson (1985) yang menekankan tiga unsur utama dalam pembinaan kerangka program iaitu tujuan, kaedah dan sasaran. Butir dan kiub Hurst and Jacobson seperti yang ditunjukkan pada halaman seterusnya. Kerangka program ini juga turut mengambil kira cadangan piawaian Standard Guru Malaysia (SGM) yang digariskan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Piawaian SGM ini terdiri daripada dua komponen utama iaitu standard dan keperluan. Komponen standard menekankan kepada tiga aspek utama iaitu nilai dan amalan profesion perguruan, pengetahuan dan kefahaman berkaitan bidang perguruan dan juga kemahiran menguasai pengajaran dan pembelajaran. Komponen keperluan pula memberi penekanan kepada latihan berkaitan dengan kursus yang diambil, penilaian, kolaborasi antara pelajar serta kemudahan infrastruktur dan infostruktur.

Dengan melibatkan diri dalam program ini, diharap semua pelajar tahun satu ini yang dilatih dalam bidang pendidikan akan dapat memenuhi piawaian standard kualiti yang ditetapkan agar menjadi seorang guru yang cemerlang, bersahsiah tinggi dan berilmu.

Kerangka program ini mengandungi enam perkara asas iaitu komponen, elemen, kaedah, sasaran, masa pelaksanaan dan agensi pelaksana.



Rajah 4.1 : Theoretical and Conceptual Foundations For Program Development

(Source: Hurst & Jacobson (1985, p. 1)

### Program ‘Welcome Week’.

Program ‘Welcome Week’ adalah nama yang diberikan pada program yang dirancang untuk pembangunan diri pelajar. Program ini akan dilaksanakan pada minggu kedua selepas Minggu Haluan Siswa. Ia akan dijalankan selama 3 hari 2 malam. Program ini akan melibatkan semua pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Aktiviti-aktiviti yang ada dalam Program ini adalah gabungan dari enam buah modul pembangunan pelajar yang dibina oleh kumpulan kami iaitu terdiri daripada :

- i) Modul Pembangunan Sahsiah – Mohd Suhaimi b. Khalid (2008)

- ii) Modul Pembangunan Akademik – Maznah bte Che Don (2008)
- iii) Modul Pembangunan Kerjaya – Mohd Earmee b. Sofian (2008)
- iv) Modul Pembangunan Kepimpinan – Muhamad Rudzuan b. Mohd Nor (2008)
- v) Modul Pembangunan Kemasyarakatan – Siti Satriyah bte Mohd Zohdi
- vi) Modul Pembangunan Sukan dan Riadah – Mohd Aidil B. Misren (2008).

### **Jangka masa program**

TARIKH KURSUS : Minggu Kedua (selepas Minggu Haluan Siswa)

TEMPOH MASA : 3 Hari 2 malam

TEMPAT : Hutan Rekreasi UTM

### **Tentatif Program**

#### **Hari pertama (Jumaat)**

- |                      |  |
|----------------------|--|
| 2.30 – 3.30 Petang : | Pendaftaran  |
| 3.30 – 5.00 Petang : | Taklimat Program   |
| 5.00 – 7.00 Petang : | Rehat dan makan malam  |
| 7.00 – 9.00 malam :  | Solat/kuliah maghrib/ Aktiviti Moral                                 |
| 9.00 – 11.00 malam : | Mencari Rakan dan Membentuk Kumpulan<br>(Pembangunan kemasyarakatan) |

#### **Hari Kedua (Sabtu)**

- |                       |  |
|-----------------------|--|
| 5.30 – 7.00 Pagi :    | Solat subuh / kuliah subuh   |
| 7.00 – 8.00 Pagi :    | Senaman Pagi   |
| 8.00 – 9.00 Pagi :    | Sarapan pagi   |
| 9.00 – 10.30 pagi :   | Pengurusan Pembelajaran Secara Efisien<br>(Pembangunan Akademik)     |
| 10.30 – 12.30 Tghri : | Pengurusan Diri Mahasiswa<br>(Pembangunan Sahsiah)                   |
| 12.30 – 2.00 petang : | Rehat / makan tengah hari/ Solat zuhur                               |
| 2.00 – 3.30 petang:   | Menjana Kecemerlangan Akademik<br>(Pembangunan Akademik)             |
| 3.30 – 4.30 petang :  | Badan Cergas Otak Cerdas<br>(Pembangunan Sukan dan Riadah)           |
| 4.30 – 5.30 tghari :  | Minum Petang / Solat Asar  |
| 5.30 – 6.15 ptg :     | Bersenam Sambil Menguji Kepantasan<br>(Pembangunan Sukan Dan Riadah) |
| 6.15 – 9.00 mlm :     | Makan Malam / Solat  |
| 9.00 – 11.00 mlm :    | Kepimpinan Berkesan<br>(Pembangunan Kepimpinan)                      |

#### **Hari Ketiga (Ahad)**

- |                     |   |
|---------------------|---|
| 5.30 – 7.00 Pagi :  | Solat subuh / Kuliah subuh                                    |
| 7.00 – 8.00 Pagi :  | Senaman Pagi  |
| 8.00 – 9.00 Pagi :  | Sarapan pagi  |
| 9.00 – 9.45 pagi :  | Bengkel Pembangunan Diri dan kerjaya<br>(Pembangunan Kerjaya) |
| 9.45 – 10.45 pagi : | Ujian Personaliti<br>(Pembangunan Kerjaya)                    |

10. 45 – 11.00 pagi : Minum pagi  
11.00 - 12.00 tghari : Ujian Minat kerjaya  
(Pembangunan Kerjaya)  
12.00 – 1.00 tghari : Penutup

### **Modul Program Pembangunan Kerjaya**

Modul Program Pembangunan Kerjaya ini dibina khususnya kepada pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan UTM. Ianya adalah untuk memberi pendedahan tentang kerjayanya dan juga untuk memupuk minat pelajar pada bidang perguruan khususnya. Memupuk minat pelajar terhadap kerjayanya amat penting kerana ia akan melibatkan proses pembelajarannya.

Tolbert (1974) ada mengatakan bahawa dengan memberi pendedahan kepada bidang kerjaya kepada individu akan dapat menimbulkan minat untuk berusaha bagi memenuhi keperluan kerjaya tersebut. Ini bertepatan dengan dapatan kajian seramai 101 orang pelajar (78.3%) menyatakan mereka akan lebih bersemangat dan berminat untuk belajar jika mengetahui kepentingannya di alam pekerjaan. Ini dapat disokong oleh kenyataan Rohany (1984) yang menyatakan minat didefinisikan sebagai kecenderungan atau tarikan terhadap sesuatu perkara atau objektif. Ini menunjukkan jika pelajar diberi pendedahan kepada bidang kerjaya yang akan mereka ceburi pada masa akan datang dapat meningkatkan minat pelajar untuk belajar bersungguhsungguh. Rohany (1984) telah menegaskan bahawa individu perlu diberikan maklumat mengenai dunia pekerjaan supaya individu itu dapat membuat persediaan yang realistik.

### **Elemen Unit Modul**

Di dalam modul Program Pembangunan Kerjaya ini terdapat beberapa unit modul kerjaya dirancang untuk pelajar mengikut standard dan keperluan. Antara unit-unit modul yang tersebut ialah:

- i) Bengkel Pembangunan Diri dan Kerjaya
- ii) Perundingan dan Kaunseling
- iii) Seminar Kerjaya
- iv) Pameran Kerjaya

### **Bengkel Pembangunan Diri dan Kerjaya**

Pengisian aktiviti pada Bengkel Pembangunan Diri dan Kerjaya adalah sesi penerangan oleh kaunselor tentang personaliti diri. Selepas selesai sesi penerangan, pelajar akan diberi set soalan Ujian Personaliti Diri dan disusuli pula dengan set soalan Ujian Minat Kerjaya.

Tujuannya adalah untuk mengenal pasti personaliti pelajar tahun satu. Selain itu, ia juga untuk mengenal pasti pelajar-pelajar yang tidak cenderung atau tidak berminat untuk menjadikan profesion perguruan sebagai kerjaya. Pihak jawatankuasa akan mengenal pasti pelajar-pelajar tersebut untuk membantu dan membimbing mereka yang mungkin memerlukan bantuan.

Sasaran bagi bengkel ini adalah semua pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

### **Perundingan dan Kaunseling**

Sesi perundingan dan kaunseling akan dijalankan hanya kepada pelajarpelajar yang tertentu sahaja. Ianya akan dijalankan oleh kaunselor Pusat Kaunseling dan Kerjaya Universiti Teknologi Malaysia.

Sesi ini akan dijalankan mengikut keperluan pelajar. Pelajar akan diberi bimbingan dan kaunseling tentang kerjaya mereka iaitu profesi perguruan. Ianya juga untuk menanamkan minat pelajar terhadap profesi ini.

Sasaran pelajar untuk sesi ini adalah dikenal pasti melalui Ujian Personaliti Diri dan Minat Kerjaya di mana pelajar yang amat memerlukan sesi bimbingan dan kaunseling ini.

### **Seminar Kerjaya**

Seminar kerjaya diisi dengan aktiviti ceramah daripada pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia dan tokoh guru. Segala isi ceramah akan berkisar tentang dunia perguruan, isu-isu, cabaran-cabaran dan pengalaman menjadi seorang guru. Pelajar dapat berkongsi pengalaman dan pengetahuan daripada tokoh guru yang dijemput untuk berceramah.

Selain ceramah, seminar ini juga akan diisi dengan dialog antara pelajar dengan pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia dan tokoh guru. Pelajar-pelajar boleh bertanya apa juga soalan yang berkisar dengan bidang perguruan ini. Ini mungkin dapat membuatkan pelajar lebih faham dan bertambah minat dengan profesi ini jika diberi maklumat tentang kebaikan menjadi guru.

Sasaran bagi unit ini adalah kepada pelajar yang kurang berminat dan masih lagi tidak memahami tentang profesi perguruan. Pelajar-pelajar ini dikenal pasti melalui aktiviti unit 1 iaitu melalui Ujian Personaliti dan Minat Kerjaya. Walaupun begitu, ia masih terbuka kepada semua pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan.

### **Pameran Kerjaya**

Pameran Kerjaya akan dijalankan selama satu hari di tempat yang akan disediakan oleh pihak Jawatankuasa FYE sendiri. Pameran ini akan melibatkan segala agensi sama ada kerajaan atau bukan kerajaan untuk menyertai pameran ini. Antara agensi yang terlibat seperti Kementerian Pelajaran Malaysia sendiri, sekolah cemerlang, persatuan-persatuan guru, koperasi guru dan lain-lain. Pameran yang dijalankan akan berkisar tentang dunia perguruan.

Sasaran bagi pameran kerjaya adalah terbuka kepada semua pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan. Jabatan-jabatan dan pensyarah diminta untuk bekerjasama untuk membenarkan pelajar menghadiri pameran ini.

### **Perbincangan**

Membangunkan modul program pembangunan pelajar adalah salah satu usaha untuk membantu pelajar terutamanya pelajar tahun satu bagi mempersiapkan mental dan sosialnya untuk kehidupan baru di kampus. Pembinaan modul dapat membantu atau dijadikan panduan kepada Jawatankuasa FYE untuk menjalankan program kepada pelajar tahun satu ini.

Pelbagai cabaran yang harus ditempuhi oleh pelajar tahun satu seperti emosi tidak stabil, jauh dari keluarga, karenah rakan-rakan dan macam-macam lagi yang mungkin belum pernah ditempuhi sebelum ini. Pelajar-pelajar tahun satu ini perlu dibantu untuk menangani masalah-masalah tersebut. Jika tidak dibantu kemungkinan pelajar akan menghadapi masalah pula di dalam pembelajarannya.

Mengikut temu bual dengan Dekan Fakulti Pra siswazah, Prof Ahmad Kamal bin Idris menyatakan bahawa jawatankuasa untuk pelajar tahun satu ini baru ditubuhkan iaitu di pertengahan tahun 2007. Walaupun begitu, program untuk pelajar tahun satu tetap dijalankan. Mengikut Prof Ahmad Kamal antara yang diberi penekanan oleh jawatankuasa FYE ini ialah kesan lompatan atau perbezaan gaya pembelajaran antara sekolah dan universiti dan juga

pengurusan masa. Pelajar memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar yang betul cara untuk belajar di university agar menjadi pelajar yang cemerlang.

Pelbagai kajian telah dilakukan untuk mencari masalah dan mengenal pasti keperluan-keperluan pelajar tahun satu ini seperti yang dilakukan oleh Ahmad Nawawi (2007) yang mencadangkan lima program pembangunan pelajar tahun satu mengikut keperluan mereka. Antara program yang amat diperlukan oleh pelajar ialah program pembangunan akademik dan kerjaya. Mengikut pada cadangan Ahmad Nawawi, program pembangunan akademik dan kerjaya perlu dipisahkan menjadi dua program yang berbeza.

Modul Program Pembangunan Kerjaya yang dibina ini akan menumpukan pada profesi perguruan sebagai kerjaya pelajar di Fakulti Pendidikan ini. Program yang dicadangkan adalah untuk memupuk minat yang lebih mendalam pada profesi perguruan ini agar pelajar-pelajar ini akan menjadi seorang guru yang cemerlang. Modul ini dibina berdasarkan pada Model Drum (1981) yang menekankan kepada tiga unsur utama iaitu tujuan dan matlamat, sasaran dan kaedah yang dijalankan. Modul yang dibina ini diharap akan dapat memberi kesan positif kepada pelajar yang mengikutinya.

Walaupun begitu, setiap masalah tersebut mungkin akan dapat diatasi dengan baik jika adanya kerjasama daripada semua pihak yang terlibat. Usaha untuk membantu para pelajar ini adalah usaha yang baik dan ia perlulah diambil berat oleh semua pihak yang bertanggungjawab.

## Rujukan

- Ahmad Nawawi bin Adnan. (2007). *Pilihan dan bentuk aktiviti program pembangunan pelajar tahun satu di Fakulti Pendidikan , Universiti Teknologi Malaysia: Satu tinjauan*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, dan Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Chek Mat. (2000). *Pengurusan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Crites J.(1969), “ Vocational Psychology The Study of Vocational Behavior And Development”.London. Mc Craw Hill Book Company.
- Drever, J.A. (1964). *A dictionary of psychology* (Edisi Kedua). Middlesex: Penguin Books Inc.
- Eli Ginzberg, S. Axelrad danJ.L Herman. (1951). *Occupational Choice: An Approach to a General Theory*. New York: Columbia University.
- Francis and Tolbert. (1974). *The school counselor and career education*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnah Ibrahim. (1982). *Masalah-masalah penuntut dan peranan pensyarah dalam mengurangkan kesan masalah ini ke atas pencapaian mereka*. Kertas Kerja Kursus Pengajaran Universiti Teknologi Malaysia. 29 Mac – 1 April 1982.
- Jumlah Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan sesi 2007/2008. Universiti Teknologi Malaysia: Pejabat Pendaftar, Fakulti Pendidikan.
- Kamus Dewan (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krumboltz, J.D . (ed). (1969). *Group counseling in school*. Boston: Houghton Mifflin.
- Lee Choi Eam. (2000). *Hubungan demografi dengan kategori masalah pelajarpelajar tahun satu dan tahun empat di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.

- M. Lee Upcraft and John H. Schuh (1996). *Assessment in Student Affairs*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Noriasah bt Osman Teng. (2006). *Tinjauan kategori masalah dengan demografi di kalangan pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia berdasarkan "Mooney Problem Check List"*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norli binti Zahari (2004). *Modul Pembelajaran Kendiri Bertajuk: Kursus Pra Perkahwinan Islam*.: UTM
- Rohany Nasir (1984). *Kaunseling dan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Pendeta. Sapor Sipon (2001). *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan: Pengetua, Dinamika Pengurusan dan Kepimpinan Sumber Manusia Di Sekolah*. Penerbitan IAB: Genting Highlands.
- Tuan Mohd Fadhlwan Tuan Jaafar. (2006). *Kerjaya sebagai guru*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Yaakub Isa (1996). *Matlamat Pendidikan*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Zurinah Ahmad dan Mohamad Iman Arif. (2004). *Kepentingan dunia kerjaya*. Kuala Lumpur: Jade Green Publications Sdn Bhd.